

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 30 Ogos 2024



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### KENYATAAN MEDIA BAGI ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, DAERAH PENTADBIRAN, MALAYSIA, 2024

**Semua daerah di Kedah dan Perak mencapai status daerah menua**

**PUTRAJAYA, 30 OGOS 2024** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan statistik berkaitan **Anggaran Penduduk Semasa, Daerah Pentadbiran, 2024** pada hari ini. Laporan ini memaparkan anggaran penduduk di peringkat negeri dan daerah pentadbiran bagi tahun 2023 dan 2024. Anggaran penduduk semasa adalah berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020. Anggaran penduduk ini menggunakan kaedah komponen kohort yang meliputi kelahiran, kematian dan migrasi.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Pada 2024, sebelas daerah dikenal pasti sebagai daerah menua iaitu penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 7.0 peratus. Daerah ini adalah Beluru (Sarawak), Kuala Langat (Selangor), Telang Usan (Sarawak), Sepang (Selangor), Mukah (Sarawak), Muallim (Perak), Tenom (Sabah), Seberang Perai Tengah (Pulau Pinang), Segamat (Johor), Tumpat (Kelantan) dan Kuala Selangor (Selangor). Semua daerah di dua buah negeri di utara Malaysia, Perak dan Kedah telah menjadi daerah menua".

*United Nations* telah menetapkan tiga kategori penuaan, iaitu *ageing society*, *aged society* dan *super-aged society* di mana masing-masing merujuk kepada penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencecah 7 peratus, 14 peratus dan 20 peratus. Manakala berdasarkan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) penuaan ialah apabila penduduk berumur 60 tahun dan lebih mencecah 15 peratus daripada jumlah penduduk.

Mengulas lanjut, Lubok Antu, Sarawak mencatatkan umur penengah tertinggi 38.6 tahun pada 2024, diikuti oleh Saratok, Sarawak (37.8 tahun) dan Kabong, Sarawak (35.8 tahun). Tumpat, Kelantan mencatatkan nisbah tanggungan jumlah tertinggi iaitu 65.1. Gua Musang, Kelantan mencatatkan nisbah tanggungan umur muda tertinggi iaitu 53.9, manakala nisbah tanggungan umur tua tertinggi dicatatkan di Lubok Antu, Sarawak (22.4).

Komposisi penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) tertinggi pada 2024 dicatatkan di Kecil Lojing dengan 33.8 peratus, diikuti Gua Musang (33.4%) dan Tumpat (32.3%) di Kelantan. Manakala, Sebauh, Sarawak mencatatkan peratusan penduduk umur bekerja (15-64 tahun) tertinggi dengan 79.5 peratus, diikuti oleh Kinabatangan, Sabah (78.4%) dan Belaga, Sarawak (78.3%). Lubok Antu, Sarawak mempunyai penduduk umur tua paling tinggi (65 tahun dan lebih) dengan 15.1 peratus.

Beliau turut menyatakan, perempuan melebihi lelaki bagi tiga belas daerah iaitu Muallim, Perak dengan nisbah jantina 92 lelaki bagi setiap 100 perempuan, diikuti Samarahan, Sarawak (94); Bachok, Kelantan (94); Song, Sarawak (95); Saratok, Sarawak (97); Kubang Pasu, Kedah (97); Julau, Sarawak (98); Tumpat, Kelantan (98); Pasir Puteh, Kelantan (98); Kanowit, Sarawak (99); Maradong, Sarawak (99), Machang, Kelantan (99) dan Kota Setar, Kedah (99). Bukit Mabong, Sarawak dan Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nisbah jantina tertinggi pada 2024 dengan masing-masing 153 lelaki bagi setiap 100 perempuan diikuti Bentong, Pahang (133).

Petaling, Selangor merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk paling ramai pada 2024 dengan 2.4 juta, diikuti Johor Bahru, Johor (1.8 juta) dan Ulu Langat, Selangor (1.5 juta). Manakala Kinabatangan dan Kalabakan di Sabah mencatatkan

kadar pertumbuhan tertinggi dengan 9.6 peratus, diikuti Cameron Highlands, Pahang (8.4%). Sebaliknya, Tanjung Manis, Sarawak merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk paling rendah dengan 7.9 ribu, diikuti oleh Song, Sarawak (10.3 ribu) dan Bukit Mabong, Sarawak (10.6 ribu).

Petaling, Selangor mendahului ranking bagi daerah yang mempunyai kepadatan penduduk tertinggi dengan 4,836 orang bagi setiap kilometer persegi, diikuti oleh Timur Laut, Pulau Pinang (4,782 orang) dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (1,887 orang).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Jadual 1: Indikator utama penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

Negeri	Bilangan penduduk ('000)	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	Struktur umur (%)			Umur penengah (tahun)	Nisbah jantina
			0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun		
<b>Malaysia</b>	<b>34,058.8</b>	<b>1.9</b>	<b>22.2</b>	<b>70.1</b>	<b>7.7</b>	<b>30.9</b>	<b>111</b>
Johor	4,186.3	1.9	21.8	70.8	7.4	30.6	116
Kedah	2,217.5	1.3	24.1	66.8	9.1	29.3	104
Kelantan	1,888.5	1.5	28.3	64.7	7.0	25.6	101
Melaka	1,047.1	1.8	22.3	70.9	6.8	30.5	113
Negeri Sembilan	1,240.1	1.2	23.8	68.6	7.6	30.9	108
Pahang	1,668.2	1.5	23.9	69.3	6.8	29.7	114
Perak	2,569.6	1.1	21.2	68.9	9.9	31.8	110
Perlis	296.8	1.3	19.5	72.3	8.2	29.8	99
Pulau Pinang	1,800.4	1.6	18.7	73.3	8.0	33.2	105
Sabah	3,742.2	4.0	23.8	70.0	6.2	27.4	109
Sarawak	2,518.1	0.6	20.1	71.2	8.7	32.3	107
Selangor	7,363.4	2.1	20.9	71.0	8.1	33.3	115
Terengganu	1,232.1	1.8	27.9	66.0	6.1	27.1	106
W.P. Kuala Lumpur	2,067.5	3.0	17.4	75.9	6.7	35.3	117
W.P. Labuan	100.8	1.8	26.0	68.9	5.1	29.2	105
W.P. Putrajaya	120.3	1.2	34.7	63.4	1.9	27.7	98

**Jadual 2: Tiga (3) daerah dengan bilangan penduduk tertinggi, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

Ranking	Daerah Pentadbiran	Bilangan (000')
1.	Petaling, Selangor	2,360.0
2.	Johor Bahru, Johor	1,800.0
3.	Ulu Langat, Selangor	1,508.1

**Jadual 3: Tiga (3) daerah dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan tertinggi, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

Ranking	Daerah Pentadbiran	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
1.	Kinabatangan, Sabah	9.6
2.	Kalabakan, Sabah	9.6
3.	Cameron Highlands, Pahang	8.4

**Jadual 4: Tiga (3) daerah dengan peratusan penduduk mengikut kumpulan umur tertinggi, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

0-14 tahun			65+ tahun		
Ranking	Daerah pentadbiran	%	Ranking	Daerah pentadbiran	%
1.	Kecil Lojing, Kelantan	33.8	1.	Lubok Antu, Sarawak	15.1
2.	Gua Musang, Kelantan	33.4	2.	Sri Aman, Sarawak	13.5
3.	Tumpat, Kelantan	32.3	3.	Kampar, Perak	12.1
15-64 tahun			60+ tahun		
Ranking	Daerah pentadbiran	%	Ranking	Daerah pentadbiran	%
1.	Sebauh, Sarawak	79.5	1.	Lubok Antu, Sarawak	21.8
2.	Kinabatangan, Sabah	78.4	2.	Sri Aman, Sarawak	18.7
3.	Belaga, Sarawak	78.3	3.	Saratok, Sarawak	18.6

**Jadual 5: Tiga (3) daerah dengan umur penengah tertinggi, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

Ranking	Daerah pentadbiran	Tahun
1.	Lubok Antu, Sarawak	38.6
2.	Saratok, Sarawak	37.8
3.	Kabong, Sarawak	35.8

**Jadual 6: Tiga (3) daerah dengan nisbah tanggungan tertinggi, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

Jumlah			Umur muda			Umur tua		
Ranking	Daerah pentadbiran	Nisbah tanggungan	Ranking	Daerah pentadbiran	Nisbah tanggungan	Ranking	Daerah pentadbiran	Nisbah tanggungan
1.	Tumpat, Kelantan	65.1	1.	Gua Musang, Kelantan	53.9	1.	Lubok Antu, Sarawak	22.4
2.	Pasir Puteh, Kelantan	62.0	2.	Tumpat, Kelantan	53.3	2.	Sri Aman, Sarawak	20.2
3.	Gua Musang, Kelantan	61.7	3.	Kecil Lojing, Kelantan	53.3	3.	Song, Sarawak	19.4

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
30 OGOS 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, Friday, August 30, 2024**



## **MEDIA STATEMENT**

MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

### **MEDIA STATEMENT CURRENT POPULATION ESTIMATES, ADMINISTRATIVE DISTRICT, MALAYSIA, 2024**

#### ***All districts in Kedah and Perak reach ageing districts***

**PUTRAJAYA, AUGUST 30, 2024** – *The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the statistics on the **Current Population Estimates, Administrative District, 2024** today. This report presents the population estimates at states and administrative district level for the year 2023 and 2024. The annual current population estimates are based on the Population and Housing Census Malaysia, 2020. The population estimates use cohort-component method which comprise of births, deaths and migration.*

*In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In 2024, eleven districts were identified as ageing districts, where the population aged 65 years and over reached 7.0 per cent. These districts are Beluru (Sarawak), Kuala Langat (Selangor), Telang Usan (Sarawak), Sepang (Selangor), Mukah (Sarawak), Muallim (Perak), Tenom (Sabah), Seberang Perai Tengah (Pulau Pinang), Segamat (Johor), Tumpat (Kelantan) and Kuala Selangor (Selangor). All districts in two states in northern Malaysia, Perak and Kedah have become ageing districts".*

*The United Nations has defined three categories of ageing, namely ageing society, aged society and super-aged society which refers to the population aged 65 years and over reached 7 per cent, 14 per cent and 20 per cent respectively. Meanwhile, the National Policy for Older Persons (DWEN) states that ageing is when the population of 60 years and over comprises 15 per cent of the total population.*

*Commenting further, Lubok Antu, Sarawak, recorded the highest median age of 38.6 years in 2024, followed by Saratok, Sarawak (37.8 years) and Kabong, Sarawak (35.8 years). Tumpat, Kelantan has the highest total dependency ratio of 65.1. Gua Musang, Kelantan has the highest young age dependency ratio at 53.9, while the old age dependency ratio was highest in Lubok Antu, Sarawak (22.4).*

*The highest composition of the population aged 0-14 years (young age) in 2024 was recorded in Kecil Lojing with 33.8 per cent, followed by Gua Musang (33.4%) and Tumpat (32.3%) in Kelantan. Meanwhile Sebauh, Sarawak recorded the highest percentage of the working age population (15-64 years) with 79.5 per cent, followed by Kinabatangan, Sabah (78.4%) and Belaga, Sarawak (78.3%). Lubok Antu, Sarawak has the highest old age population (65 years and over) with 15.1 per cent.*

*In addition, he also commented that, females outnumbered males in thirteen districts which comprised Muallim, Perak with sex ratio of 92 males for every 100 females, followed by Samarahan, Sarawak (94); Bachok, Kelantan (94); Song, Sarawak (95); Saratok, Sarawak (97); Kubang Pasu, Kedah (97); Julau, Sarawak (98); Tumpat, Kelantan (98); Pasir Puteh, Kelantan (98); Kanowit, Sarawak (99); Maradong, Sarawak (99), Machang, Kelantan (99) dan Kota Setar, Kedah (99). Bukit Mabong, Sarawak dan Cameron Highlands, Pahang recorded the highest sex ratio in 2024, at 153 males per 100 females followed by Bentong, Pahang (133).*



*Petaling, Selangor is the most populous district in 2024 at 2.4 million, followed by Johor Bahru, Johor (1.8 million) and Ulu Langat, Selangor (1.5 million). Meanwhile, Kinabatangan and Kalabakan, Sabah recorded the highest growth rate at 9.6 per cent, followed by Cameron Highlands, Pahang (8.4%). On the other hand, Tanjung Manis, Sarawak is the least populated district with 7.9 thousand, followed by Song, Sarawak (10.3 thousand) and Bukit Mabong, Sarawak (10.6 thousand).*

*Petaling, Selangor led the ranking for districts with the highest population density 4,836 persons per square kilometre, followed by Timur Laut, Pulau Pinang (4,782 persons) and Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (1,887 persons).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.*

**Table 1: Principal statistics of population by state, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

State	Number of population ('000)	Annual population growth rate (%)	Age structure (%)			Median age (year)	Sex ratio
			0-14 years	15-64 years	65+ years		
<b>Malaysia</b>	<b>34,058.8</b>	<b>1.9</b>	<b>22.2</b>	<b>70.1</b>	<b>7.7</b>	<b>30.9</b>	<b>111</b>
Johor	4,186.3	1.9	21.8	70.8	7.4	30.6	116
Kedah	2,217.5	1.3	24.1	66.8	9.1	29.3	104
Kelantan	1,888.5	1.5	28.3	64.7	7.0	25.6	101
Melaka	1,047.1	1.8	22.3	70.9	6.8	30.5	113
Negeri Sembilan	1,240.1	1.2	23.8	68.6	7.6	30.9	108
Pahang	1,668.2	1.5	23.9	69.3	6.8	29.7	114
Perak	2,569.6	1.1	21.2	68.9	9.9	31.8	110
Perlis	296.8	1.3	19.5	72.3	8.2	29.8	99
Pulau Pinang	1,800.4	1.6	18.7	73.3	8.0	33.2	105
Sabah	3,742.2	4.0	23.8	70.0	6.2	27.4	109
Sarawak	2,518.1	0.6	20.1	71.2	8.7	32.3	107
Selangor	7,363.4	2.1	20.9	71.0	8.1	33.3	115
Terengganu	1,232.1	1.8	27.9	66.0	6.1	27.1	106
W.P. Kuala Lumpur	2,067.5	3.0	17.4	75.9	6.7	35.3	117
W.P. Labuan	100.8	1.8	26.0	68.9	5.1	29.2	105
W.P. Putrajaya	120.3	1.2	34.7	63.4	1.9	27.7	98

**Table 2: Top three (3) most populous district, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

Ranking	Administrative district	Number (000')
1.	Petaling, Selangor	2,360.0
2.	Johor Bahru, Johor	1,800.0
3.	Ulu Langat, Selangor	1,508.1

**Table 3: Top three (3) districts with highest annual population growth rate, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>Annual population growth rate (%)</b>
1.	<i>Kinabatangan, Sabah</i>	9.6
2.	<i>Kalabakan, Sabah</i>	9.6
3.	<i>Cameron Highlands, Pahang</i>	8.4

**Table 4: Top three (3) districts with highest population composition by age group, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

<b>0-14 years</b>			<b>65+ years</b>		
<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>%</b>	<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>%</b>
1.	<i>Kecil Lojing, Kelantan</i>	33.8	1.	<i>Lubok Antu, Sarawak</i>	15.1
2.	<i>Gua Musang, Kelantan</i>	33.4	2.	<i>Sri Aman, Sarawak</i>	13.5
3.	<i>Tumpat, Kelantan</i>	32.3	3.	<i>Kampar, Perak</i>	12.1
<b>15-64 years</b>			<b>60+ years</b>		
<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>%</b>	<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>%</b>
1.	<i>Sebauh, Sarawak</i>	79.5	1.	<i>Lubok Antu, Sarawak</i>	21.8
2.	<i>Kinabatangan, Sabah</i>	78.4	2.	<i>Sri Aman, Sarawak</i>	18.7
3.	<i>Belaga, Sarawak</i>	78.3	3.	<i>Saratok, Sarawak</i>	18.6

**Table 5: Top three (3) districts with highest median age, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>Year</b>
1.	<i>Lubok Antu, Sarawak</i>	38.6
2.	<i>Saratok, Sarawak</i>	37.8
3.	<i>Kabong, Sarawak</i>	35.8

**Table 6: Top three (3) districts with highest dependency ratio, Malaysia, 2024<sup>P</sup>**

<b>Total</b>			<b>Young age</b>			<b>Old age</b>		
<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>Dependency ratio</b>	<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>Dependency ratio</b>	<b>Ranking</b>	<b>Administrative district</b>	<b>Dependency ratio</b>
1.	<i>Tumpat, Kelantan</i>	65.1	1.	<i>Gua Musang, Kelantan</i>	53.9	1.	<i>Lubok Antu, Sarawak</i>	22.4
2.	<i>Pasir Puteh, Kelantan</i>	62.0	2.	<i>Tumpat, Kelantan</i>	53.3	2.	<i>Sri Aman, Sarawak</i>	20.2
3.	<i>Gua Musang, Kelantan</i>	61.7	3.	<i>Kecil Lojing, Kelantan</i>	53.3	3.	<i>Song, Sarawak</i>	19.4

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
30 AUGUST 2024**